

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TAN SRI NOH BIN HAJI OMAR
[TANJONG KARANG]**

TARIKH : 26 OGOS 2020 (RABU)

SOALAN

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan statistik terkini selain daripada Sekolah Kebangsaan yang telah bersetuju untuk pembelajaran tulisan jawi setelah mendapatkan persetujuan daripada Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Berkaitan dengan pengenalan tulisan jawi dalam mata pelajaran Bahasa Melayu, Kerajaan pada 14 Ogos 2019 telah membuat keputusan agar pengenalan tulisan jawi dalam mata pelajaran Bahasa Melayu terus dilaksanakan di Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) dan sekolah mubaligh bantuan Kerajaan jika dipersetujui oleh Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) serta murid.

Berdasarkan rekod KPM sehingga pada 30 Jun 2020, hanya 2.9% daripada keseluruhan sekolah jenis kebangsaan (SJK) bersetuju untuk pelaksanaan pengenalan tulisan jawi untuk murid Tahun 4 pada tahun 2020. Bagi SJK Cina, 2.77% daripada 1,299 sekolah bersetuju dengan pelaksanaan tersebut manakala bagi SJK Tamil hanya 0.2% daripada 525 sekolah bersetuju dengan pelaksanaan tersebut.

Sekian, terima kasih.